



PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA
PEJABAT WILAYAH SEMENANJUNG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 221001 (Pembersihan Bangunan)** dan **Kod Bidang 221002 (Pembersihan Kawasan)** serta masih sah pendaftarannya untuk menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA: CAAM.PWS.400-5/8/31

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN DI
BANGUNAN PENTADBIRAN DAN MENARA KAWALAN TRAFIK UDARA CIVIL
AVIATION AUTHORITY OF MALAYSIA (CAAM) SERTA PERKHIDMATAN MEMOTONG
RUMPUT DI KUATERS DAN TANAH MILIK
CIVIL AVIATION AUTHORITY OF MALAYSIA (CAAM)
LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI TEMPOH 24 BULAN**

TARIKH MULA TAWARAN	:	22/04/2024 (Isnin)
TARIKH TUTUP TAWARAN	:	03/05/2024 (Jumaat) Jam 12.00 Tengahari
TARIKH TAKLIMAT	:	26/04/2024 (Jumaat) Jam 11.00 Pagi
ALAMAT TAKLIMAT	:	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh Perak Darul Ridzuan.
SYARAT WAJIB SEBUT HARGA	:	Wajib Hadir Taklimat & Lawatan Tapak

1. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan pada masa dan Tarikh seperti dinyatakan di atas. Hanya **SATU (1) wakil** syarikat dibenarkan untuk membuat lawatan tapak pada satu-satu masa dan tertakluk kepada kebenaran daripada pihak CAAM. Selaras dengan PPP PK2.1 Perenggan 8.12 (viii), hanya Pegawai/Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ boleh menghadiri lawatan tapak/premis atau sesi taklimat sebut harga. **Pembekal TIDAK BOLEH mewakilkan pegawai lain.** Pembekal dikehendaki membawa sijil pendaftaran syarikat (MOF), cop rasmii syarikat dan kad perniagaan. Kegagalan mengesahkan kehadiran akan menyebabkan Pembekal tidak layak menyertai sebut harga ini.
2. Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini boleh mendapatkan borang sebut harga semasa taklimat dan lawatan tapak diadakan.
3. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan secara **MANUAL** dengan memasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** seperti alamat di bawah **SEBELUM** jam 12.00 tengahari pada **03 MEI 2024 (JUMAAT)**.

**Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh
Perak Darul Ridzuan**

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

En Mohd Najib b Tukiman : +60183991960 / najib@caam.gov.my